AUTHOR: No author available SECTION: SETEMPAT PAGE: 6 PRINTED SIZE: 237.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 9,045.00 ITEM ID: MY0069700857

11 JUN, 2026

Bangunan seakan 'flat' bakal diroboh

Harian Metro, Malaysia

Bangunan seakan 'flat' bakal diroboh

Bangi: Bangunan seakan 'flat' dan perkampungan warga asing di Sungai Tekali, Hulu Langat yang tular dan dikaitkan dengan komuniti Rohingya akan dirobohkan.

Menerusi kenyataan dikongsikan kepada Harian Metro, Pegawai Daerah Hulu Langat Datuk Mohd Jusni Hashim berkata, struktur kediaman bertingkat itu didapati dibina di atas tanah milik individu manakala struktur lain dibina secara tidak sah di atas rizab jalan dan sungai.

Menurutnya, pihak berkuasa sudah mengambil pelbagai tindakan penguatkuasaan sejak 2017, namun isu berkenaan masih berulang.

"Untuk rekod, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Langat sudah mengeluarkan Notis Amaran Pendudukan Secara Tak Sah kepada pemilik struktur kediaman terbabit pada tahun 2017, 2020, 2021 dan yang terkini pada 13 Mac 2025.

"Malah satu operasi perobohan bersepadu pernah dilaksanakan pada tahun 2017 membabitkan pelbagai agensi termasuk PDT Hulu Langat, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," katanya.

Beliau berkata, MPKj turut mengeluarkan notis dan tawaran kompaun pada 2019, 2020 dan 2021 atas kesalahan mendirikan bangunan tanpa kebenaran bertulis mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"LUAS juga membuka kertas siasatan pada tahun lalu mengikut Seksyen 43(4) dan Seksyen 70(3) Enakmen LUAS 1999 terhadap pihak yang dipercayai bertanggungjawab mendirikan struktur tanpa kebenaran.

"Jika disabitkan kesalahan, pihak yang terbabit boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Mohd Jusni berkata, tindakan penguatkuasaan turut membabitkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Selangor yang menyertai operasi bersama PDRM menerusi Ops Kutip pada 28 Februari tahun lalu.

> *Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Langat sudah mengeluarkan Notis Amaran Pendudukan Secara Tak Sah kepada pemilik struktur kediaman terbabit pada tahun 2017, 2020, 2021 dan yang terkini pada 13 Mac 2025"*
>
> ***Pegawai Daerah Hulu Langat, Datuk Mohd Jusni Hashim***

Katanya, hasil operasi itu membawa kepada penahanan 42 warga asing yang disyaki melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bangunan kediaman bertingkat yang tular di media sosial itu akan dirobohkan mengikut peruntukan undang-undang.

"Berhubung bangunan kediaman bertingkat yang dimaksudkan, satu tindakan perobohan akan dilaksanakan mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.

"PDT Hulu Langat bersama semua agensi penguatkuasaan daerah sentiasa komited dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah kerajaan berlandaskan lunas undang-undang yang berkuat kuasa," katanya.

Terdahulu, tular video memaparkan penyampai radio, Azad Jasmin, 50, atau dikenali Pak Azad mendedahkan kewujudan 'flat' empat tingkat yang sangat uzur, di samping sambungan paip air dan pendawaian elektrik yang mencurigakan dipercayai didiami komuniti Rohingya di Hulu Langat.

Tinjauan Harian Metro di lokasi itu kelmarin mendedahkan unit kediaman bangunan terbabit disewakan kepada warga asing sejak 2016 dengan kadar RM600 hingga RM700 sebulan.

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.